



MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR SESI 2010/2011

Oleh: En. Mohamad Hafiz Mohamad Shokri



Bertempat di Dewan Elham, Timah Tasoh Lake Resort melakarkan satu lagi sejarah kepimpinan pelajar apabila seramai 31 orang ahli Majlis Perwakilan Pelajar yang baru telah dilantik dengan rasminya selepas berakhirnya sesi Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar pada 24 Februari 2011. Selain itu sejarah juga telah tercatat apabila buat pertama kalinya Universiti Malaysia Perlis telah mengadakan Majlis Pemilihan MPP.

Majlis tersebut telah diserikan lagi dengan kunjungan hormat YTM Raja Muda Negeri Perlis. Selain itu majlis tersebut turut diwarnai dengan kehadiran oleh Y. Bhg. Dato' Naib Canselor UniMAP.

Majlis tersebut merupakan penyerahan tugas oleh Mantan Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2009/2010 yang diketuai oleh saudara Mohamad Nur bin Misbah kepada Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar baru iaitu Saudara Aminudin Bin Anuar.

Turut hadir sama ialah wakil daripada kelab dan persatuan daripada UniMAP. Seramai 31 orang ahli MPP yang baru dengan rasminya telah dilantik untuk menjadi wakil kepada keseluruhan pelajar UniMAP bagi menggantikah kepimpinan MPP yang lama seramai 33 orang.

Dimulakan dengan ucapan aluan – aluan oleh YTM Raja Muda Perlis yang juga Canselor kepada UniMAP. Kemudiannya disusuli dengan ucapan Y. Bhg. Dato' Naib Canselor UniMAP. Selepas itu majlis diteruskan dengan penyerahan tugas – tugas Portfolio setiap Exco lama kepada Exco baru dan juga majlis Tandatangan Aku Janji oleh ahli MPP yang terlibat.

Majlis juga turut diceriakan dengan dendangan lagu – lagu yang telah dipersembahkan oleh artis – artis daripada UniMAP sendiri dan disusuli dengan jamuan makan malam. Majlis tamat pada jam 12 tengah malam.

